

Zam kesal akhbar Inggeris desak bahasa itu sebagai pengantar

UM 24 MAY 2002

KUALA LUMPUR 23 Mei — Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin (Zam) kesal dengan sikap beberapa akhbar berbahasa Inggeris yang mendesak agar bahasa itu dijadikan bahasa pengantar dan perpaduan.

Menurut beliau, sikap sedemikian sepatutnya tidak timbul setelah kerajaan dan Majlis Tertinggi UMNO membuat keputusan untuk menolak cadangan mewujudkan sekolah aliran Inggeris bagi memelihara kedudukan Bahasa Melayu.

“Akhbar-akhbar ini cuba memperkecilkan golongan yang tidak mahu bertukar ke aliran Inggeris dan sebaliknya membesar-besarkan pendapat yang mahukan perubahan ke aliran tersebut,” katanya dalam satu kenyataan kepada *Utusan Malaysia*, di sini hari ini.

Minggu lalu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan memelihara kedudukan Bahasa Melayu dalam sistem pendidikan negara bagi membina bangsa yang bersatu dan mempunyai identiti sendiri.

Sehubungan itu, kata Timbalan Perdana Menteri, kerajaan memutuskan untuk menolak cadangan mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris di negara ini kerana ia tidak secocok dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan tidak akan melaksanakan sekolah aliran bahasa Inggeris tetapi mengambil langkah memperkenalkan pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris selain kesusasteraan Inggeris semasa.

Keputusan yang diumumkan selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO baru-baru ini itu akan dilaksanakan di Tahun Satu sekolah rendah pada sesi persekolahan tahun depan.

Mengulas lanjut, Zainuddin berkata, akhbar terbabit perlu menyedari bahawa kejayaan akhbar berbahasa Melayu mencapai tahap pasaran yang tinggi pada masa sekarang adalah kerana kemajuan dalam bahasa Melayu itu sendiri.

“Sekiranya kita jadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar maka bahasa Melayu akan terabai dan menjadi mundur kebelakang,” katanya.

Beliau berkata, keputusan kerajaan untuk melaksanakan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sudah mencukupi untuk menjadikan bahasa tersebut diamalkan bersesuaian dengan perubahan masa.

Dalam pada itu, Zainuddin berkata, golongan yang mahu bahasa Inggeris dijadikan sebagai bahasa yang dominan di negara ini cuba berselindung di sebalik slogan bahasa perpaduan.

“Perbuatan golongan ini seumpama lebih sudu daripada kuah,” ujarnya.